



# **KERTAS KONSEP**

PERTANDINGAN FORUM REMAJA  
MADANI 2025

anjuran

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

dengan kerjasama  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN FORUM REMAJA  
PIALA PUSINGAN TUAN YANG TERUTAMA  
YANG DI-PERTUA NEGERI SARAWAK 2025**

**1. LATAR BELAKANG**

- 1.1. Forum Remaja merupakan kegiatan utama DBP saban tahun. Program yang menjadi asas untuk memperkasakan bahasa Melayu dalam berkomunikasi secara berbincang, bertukar pandangan dan pengutaraan idea.
- 1.2. Program ini khusus untuk generasi muda atau remaja dengan harapan program ini berkemampuan membina tata komunikasi yang bermakna, berhemah dan indah.
- 1.3. Program Forum Remaja sudah bermula pada tahun 1988 dan kini menjangkau usia 37 tahun pada 2025.
- 1.4. Penambahbaikan ini juga atas permintaan Yang Berhormat Menteri Pendidikan agar Forum Remaja diberi nafas baharu sesuai dengan peredaran zaman.
- 1.5. Maka, untuk memenuhi permintaan ini serta menyedari hakikat bahawa Forum Remaja perlu disegarkan semula, Bahagian Pengembangan Kesusasteraan Kanak-kanak dan Remaja, DBP telah menilai semula program ini dengan meneliti konsep dan konteks pelaksanaannya

**2. OBJEKTIF**

- 2.1. Memberikan ruang dan galakan kepada pelajar sekolah menggunakan bahasa Melayu baku yang akhirnya akan melahirkan satu model penggunaan bahasa baku yang baik dan berkesan dari segi tatabahasa, sebutan dan gaya.
- 2.2. Melahirkan pelajar yang berkeyakinan tinggi dan berketerampilan serta berkebolehan berhujah dan mengungkapkan buah fikiran dalam bahasa Melayu dengan baik dan berkesan.
- 2.3. Menggalakkan penglibatan pelajar dalam kegiatan koakademik dengan bimbingan guru dalam mencari idea yang bernas dan fakta yang tepat tentang tajuk yang dibincangkan. Secara tidak langsung, pertandingan ini membina hubungan kerjasama antara pelajar, dan pelajar dengan guru.
- 2.4. Meningkatkan imej DBP sebagai agensi penggalak pengembangan bahasa dan persuratan Melayu melalui kegiatan kebahasaan.

### **3. PENYERTAAN**

- 3.1. Pertandingan ini terbuka kepada sekolah-sekolah menengah kerajaan di bawah kelolaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk pelajar-pelajar tingkatan empat hingga tingkatan enam.
- 3.2. Pertandingan ini juga terbuka kepada sekolah-sekolah menengah swasta di bawah kelolaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk pelajar-pelajar tingkatan empat dan lima ATAU pelajar sekolah swasta yang berumur 16 hingga 19 tahun.
- 3.3. Permohonan untuk menyertai pertandingan ini perlu melalui pihak sekolah dan mendapat kebenaran daripada ibu bapa.
- 3.4. Setiap sekolah hanya boleh menghantar satu (1) pasukan.
- 3.5. Setiap pasukan terdiri daripada lima (5) orang ahli, iaitu seorang pengerusi, dua orang ahli panel dan dua orang peserta simpanan dari sekolah yang sama.
- 3.6. Setiap pasukan hendaklah mempunyai seorang guru pengiring.
- 3.7. Sebarang kos untuk menyertai pertandingan ini ditanggung sepenuhnya oleh setiap pasukan.
- 3.8. Permohonan untuk menyertai pertandingan ini perlu menggunakan borang penyertaan yang disediakan oleh urus setia.

### **4. PERINGKAT PERTANDINGAN**

#### **4.1. Peringkat Negeri**

- 4.1.1. Pertandingan peringkat negeri akan dikendalikan oleh DBP Cawangan/Willayah dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri.
- 4.1.2. Juara pertandingan peringkat negeri akan mewakili negeri ke peringkat kebangsaan.

#### **4.2. Peringkat Kebangsaan**

- 4.2.1. Pertandingan peringkat kebangsaan akan dikendalikan oleh Bahagian Pengembangan Kesusasteraan Kanak-kanak dan Remaja, DBP.
- 4.2.2. Sebanyak 16 pasukan yang menjadi johan peringkat negeri akan bertanding mewakili negeri masing-masing pada pertandingan peringkat kebangsaan.
- 4.2.3. Sekiranya pasukan yang menjadi juara pertandingan peringkat negeri menarik diri daripada menyertai pertandingan peringkat kebangsaan, peluang boleh diberikan kepada naib juara dan seterusnya pemenang tempat ketiga peringkat negeri dengan syarat penarikan diri pasukan dimaklumkan awal kepada penganjur tidak kurang daripada 14 hari daripada tarikh pertandingan peringkat kebangsaan.

## 5. KAEDAH DAN TARIKH PERTANDINGAN

### 5.1. Peringkat Negeri

- 5.1.1. Pertandingan pada peringkat negeri dilaksanakan **secara bersemuka atau rakaman video**.
- 5.1.2. Peringkat saringan – tajuk forum akan dibina oleh pasukan masing-masing berdasarkan isu semasa yang relevan dan wajar untuk diperkatakan dan penyertaan disarankan secara talian, namun sekiranya hendak diadakan secara bersemuka juga dibenarkan.
- 5.1.3. Peringkat negeri – Pasukan yang terpilih ke peringkat negeri akan diberi tema khusus secara undian dua minggu sebelum pertandingan diadakan. Judul dibina oleh pasukan sendiri. Perlu diadakan secara bersemuka.

### 5.2. Peringkat kebangsaan

- 5.2.1. Pertandingan pada peringkat kebangsaan dilaksanakan **secara bersemuka pada 11 dan 12 Ogos 2025**.
- 5.2.2. Peringkat kebangsaan – Pasukan yang terpilih ke peringkat kebangsaan akan diberi tema khusus secara undian seminggu sebelum pertandingan. Judul dibina oleh pasukan sendiri. Perlu diadakan secara bersemuka.

### 5.3. KAEDAH PELAKSANAAN

- 5.3.1. Sebelum pasukan memulakan forum mereka, tayangan montaj (video) berdurasi 60 saat atau satu minit tentang isu yang hendak diperkatakan/dibincangkan sebagai landasan kerasionalan isu tersebut diketengahkan. Kekreatifan membina montaj amat dituntut sebagai nilai tambah dalam penilaian.
- 5.3.2. Forum Remaja Madani 2025 akan diadakan dalam DUA sesi iaitu sesi pertama, forum dengan isu dan judul yang dibina sendiri oleh pasukan sekitar 15 minit dan sesi kedua, forum spontan sekitar 5 minit.
- 5.3.3. Sesi pertama;
  - 5.3.3.1. Pengerusi Forum akan bertindak sebagai pencetus persoalan isu dengan memberi definisi isu dan rasional isu hendak dibincangkan.
  - 5.3.3.2. Pengerusi Forum akan bertindak neutral dalam perbincangan kerana hanya sebagai perantara perbincangan untuk mencari rumusan idea menangani isu berkenaan.
  - 5.3.3.3. Walau bagaimanapun, pada penghujung perbincangan, Pengerusi Forum akan membuat penggulungan secara rumusan dengan menitipkan beberapa dapatan berbentuk idea baharu dalam perbincangan tersebut.
  - 5.3.3.4. Panel 1 akan bertindak sebagai penyokong isu berkenaan dengan memaparkan hujah bersandarkan data, fakta atau sumber yang mendukung isu tersebut untuk diperkatakan dengan sokongan paparan digital.
  - 5.3.3.5. Panel 1 boleh mengetengahkan elemen kesan dan impak isu tersebut kalau tidak ditangani. Dengan sandaran tersebut panel 1 boleh mencadangkan atau mengemukakan pandangan baharu tentang isu.
  - 5.3.3.6. Panel 2 pula boleh bertindak menyokong isu atau memberi perspektif yang berbeza. Sebarang pandangan, data, fakta dan sumber yang boleh mengimbangi, mengubah pandangan terhadap isu dan mengemukakan jalan-jalan penyelesaian yang sedia ada perlu disokong dengan paparan secara digital.

5.3.3.7. Penegasan boleh dibuat dengan idea-idea penambahbaikan untuk menangani isu berkenaan.

5.3.3.8. Semasa perbincangan forum, setiap kali panel 1 atau panel 2 mengemukakan pandangan, ulasan, analisis dan penghujahan yang bersandarkan data, fakta serta sumber, pasukan disarankan menggunakan paparan slaid/gambar/visual secara statik atau pegun bagi menyokong serta menegaskan sandaran hujah mereka.

5.3.4. Sesi kedua (forum spontan)

5.3.4.1. Pada sesi kedua (forum spontan), pasukan terlebih dahulu memilih sampul tema sebelum pertandingan dimulakan. Walau bagaimanapun, tema tersebut hanya akan dibaca oleh Pengacara Majlis, selesai sesi pertama forum.

5.3.4.2. Selepas Ketua Hakim membaca skop tema tersebut, pasukan akan diberi 90 saat (satu minit setengah) untuk berbincang dan kemudiannya membincangkan isu tersebut dengan kaedah seperti sesi pertama.

6. Sistem pemarkahan bagi Forum Remaja 2025 ialah:

6.1. Montaj Terbaik – penilaian dibuat berdasarkan paparan naratif isu dengan gabungan audio visual yang kreatif, menarik, ringkas dan padat. Kesan khas dibenarkan selagi membawa pemaknaan terhadap inti pati isu yang hendak diperkatakan.

6.2. Markah Montaj Terbaik tidak mempengaruhi markah keseluruhan persembahan forum. Markah Montaj Terbaik dikira seperti berikut;

6.2.1. Isi isu -40%

6.2.2. Persembahan visual - 30%

6.2.3. Kesesuaian audio - 30%

6.3. Pertandingan Forum Remaja 2025 dinilai berdasarkan;

6.3.1. SESI PERTAMA

6.3.1.1. Aspek isi perbincangan yang meliputi definisi, kupasan, penghujahan dan dapatan tentang isu/tema - 35%

6.3.1.2. Aspek bahasa yang meliputi sebutan baku, pilihan kata yang tepat, susunan ungkapan yang baik dan pemaknaan yang indah - 35%

6.3.1.3. Aspek teknik dan persembahan yang meliputi kemampuan kawalan perbincangan, kesinambungan perbincangan dan penggunaan alat bantu seperti slaid - 20%

6.3.1.4. Aspek pandangan dan idea-idea baharu yang rasional, logik dan bernas - 10%

6.3.2. SESI KEDUA

6.3.2.1. Aspek kemampuan pasukan memahami isu dan membina perbincangan - 40%

6.3.2.2. Aspek pengutaraan isi dengan rasional - 40%

6.3.2.3. Aspek pandangan dan idea baharu yang munasabah - 20%

6.3.3. Sebarang bentuk persembahan seperti nyanyian, deklamasi sajak, dendangan syair dan sebagainya tidak diambil kira dalam pemarkahan dan akan menjejaskan markah penyampaian.

6.3.4. Ahli panel dibenarkan merujuk teks sekali-sekala. Sekiranya hakim mendapati ada peserta yang merujuk teks melebihi daripada yang sepatutnya (5 kali), markah maksimum yang akan dipotong ialah 5 markah daripada keseluruhan markah penyampaian.

6.3.5. Sebarang pandangan yang disampaikan oleh ahli panel setelah loceng penamat dibunyikan tidak akan diberikan markah.

## 7. Tempoh pertandingan

7.1. Pertandingan Forum Remaja 2025 akan berlangsung sekitar 22 ke 23 minit iaitu;

- 7.1.1. Tayangan Montaj - 1 minit
- 7.1.2. Forum Remaja Sesi 1 - 15 minit
- 7.1.3. Perbincangan Forum Spontan - 1 minit hingga 1 minit 30 saat
- 7.1.4. Forum Remaja Sesi 2 - 5 minit

7.2. Peraturan Teknikal Semasa Rakaman Video (Berforum)

- 7.2.1 Setiap pasukan dikehendaki menyampaikan persembahan di hadapan video kamera (komputer, telefon pintar atau peranti lain) dengan jelas merangkumi aspek visual dan audio. Rakaman hendaklah menggunakan tripod. Format video hendaklah dibuat syot penuh (full shot) secara melintang (landscape).
- 7.2.2 Rakaman video forum hendaklah dalam format yang berikut:
  - i. Format MP4
  - ii. Resolusi 1280 x 720 peringkat negeri (HD)  
1920 x 1080 peringkat kebangsaan
  - iii. Saiz ratio 16:9
- 7.2.3 Wajah peserta hendaklah jelas (tidak terlindung).
- 7.2.4 Setiap pasukan dikehendaki memastikan audio rakaman tidak terganggu oleh bunyi-bunyi persekitaran seperti bunyi kipas, bunyi kenderaan dan sebagainya.
- 7.2.5 Pencahayaan latar video mestilah baik dan tidak gelap.
- 7.2.6 Penggunaan telepandu (teleprompter) adalah tidak dibenarkan.

## 8. Terma Dan Syarat Penghasilan Klip Video

- 8.1 Pertandingan klip video adalah wajib untuk semua pasukan yang bertanding.
- 8.2 Klip video yang dihasilkan berdurasi tidak melebihi 60 saat.
- 8.3 Klip video boleh dalam bentuk dokumentari, sketsa pendek, iklan atau mesej khidmat awam.
- 8.4 Penyertaan hendaklah memaparkan nilai-nilai murni berkaitan tema forum.

## 8. SKOP FORUM

- 8.1. Tema untuk dijadikan isu perbincangan dalam forum berdasarkan peringkat;
  - 8.1.1. Saringan - Untuk pertandingan pada peringkat saringan setiap pasukan diberikan kebebasan membina tajuk forum masing-masing berdasarkan skop yang ditetapkan.
  - 8.1.2. Negeri - Untuk pertandingan pada peringkat negeri 5 tema disediakan iaitu, pendidikan, sukan, sosial, budaya dan sastera
  - 8.1.3. Forum Spontan Negeri – Untuk pertandingan peringkat negeri, skop soalan spontan akan disediakan oleh urus setia negeri
  - 8.1.4. Kebangsaan - Untuk pertandingan pada peringkat kebangsaan 5 tema disediakan, iaitu ekonomi, undang-undang, seni, sains dan bahasa.
  - 8.1.5. Forum Spontan Kebangsaan - Untuk pertandingan pada peringkat kebangsaan 5 tema disediakan, iaitu teknologi, kesihatan, pelancongan, kewangan dan keselamatan

## 9. PERATURAN PERTANDINGAN

## 9.1. Peraturan Am Pertandingan

- 9.1.1. Forum hendaklah dipersembahkan dalam bahasa Melayu.
- 9.1.2. Setiap pasukan diberikan masa selama 15 minit untuk sesi 1. Loceng amaran akan dibunyikan sekali, iaitu tiga (3) minit sebelum masa tamat dan dua kali apabila masa tamat.
- 9.1.3. Untuk sesi forum spontan, setiap pasukan diberikan masa lima minit. Loceng pertama akan dibunyikan selepas ketua hakim membaca tema yang telah diundi oleh pasukan. Loceng amaran akan dibunyikan sekali, iaitu tiga (3) minit sebelum masa tamat dan dua kali apabila masa tamat.
- 9.1.4. Setiap pasukan tidak dibenarkan sama sekali menimbulkan isu-isu sensitif yang bertentangan dengan undang-undang, perpaduan kaum, agama, tatasusila dan kepentingan negara.
- 9.1.5. Setiap pasukan dibenarkan menggunakan alat bantuan seperti buku catatan tetapi tidak dibenarkan mendapatkan atau menggunakan bantuan daripada sumber atau pihak luar semasa pertandingan dijalankan dalam apa jua kaedah.
- 9.1.6. Peserta simpanan boleh digunakan sekiranya berlaku sebarang masalah dalam kalangan ahli pasukan semasa pertandingan.
- 9.1.7. Perlakuan yang kurang sopan seperti menunjukkan isyarat lucah, kata-kata kesat dan sebagainya semasa pertandingan adalah dilarang. Pihak penganjur berhak menegur dan mengambil tindakan kepada peserta sekiranya berlaku perkara sedemikian.

## 10. PENGHAKIMAN

- 10.1. Tiga atau lima orang hakim akan menghakimi pertandingan pada peringkat negeri dan peringkat kebangsaan, termasuk ketua hakim.
- 10.2. Tiga atau dua orang akan menghakimi montaj forum di peringkat negeri dan kebangsaan.
- 10.3. Hakim pertandingan peringkat negeri boleh terdiri daripada guru bahasa Melayu, pegawai Pejabat Pendidikan Daerah/Jabatan Pendidikan Negeri, Munsyi Dewan, pegawai DBP atau individu yang difikirkan layak.
- 10.4. Hakim pertandingan peringkat kebangsaan boleh terdiri dalam kalangan guru bahasa Melayu, pensyarah IPT, pegawai KPM, pakar bahasa, ahli Kesatuan Guru-guru Melayu Malaysia Barat (KGMMB), ahli Persatuan Linguistik Malaysia (PLM), pegawai DBP atau individu yang difikirkan layak.
- 10.5. Keputusan panel hakim adalah muktamad. Sebarang bantahan tidak akan dilayan.

## 11. AM

- 11.1. Sebarang perubahan pertandingan ini tertakluk kepada pihak penganjur.
- 11.2. Sebarang tafsiran terhadap konsep pertandingan ini hendaklah dirujuk kepada pihak penganjur.
- 11.3. Jawatankuasa/urus setia berhak membuat keputusan yang difikirkan wajar dan munasabah jika berlaku sebarang perkara yang tidak diingini demi memastikan kelancaran perjalanan pertandingan pada satu-satu masa.
- 11.4. Sebarang pertanyaan boleh merujuk kepada urus setia Forum Remaja Madani 2025.

**BORANG PENYERTAAN**  
**PERTANDINGAN FORUM REMAJA MADANI PERINGKAT KEBANGSAAN 2025**

| A. MAKLUMAT PESERTA |                                                                    |        |      |                              |                                                                   |
|---------------------|--------------------------------------------------------------------|--------|------|------------------------------|-------------------------------------------------------------------|
| Nama Peserta        | No. Kad Pengenalan<br><i>Sila lampirkan salinan kad pengenalan</i> | Bangsa | Umur | No. Telefon Bimbit dan E-mel | Gambar<br><i>Sila lampirkan gambar ukuran saiz kad pengenalan</i> |
| 1. (Pengerusi)      |                                                                    |        |      |                              |                                                                   |
| 2. (Ahli Panel 1)   |                                                                    |        |      |                              |                                                                   |
| 3. (Ahli Panel 2)   |                                                                    |        |      |                              |                                                                   |

|                 |  |  |  |  |  |
|-----------------|--|--|--|--|--|
| 4. (Simpanan 1) |  |  |  |  |  |
| 5. (Simpanan 2) |  |  |  |  |  |

#### **B. MAKLUMAT GURU PEMBIMBING**

|                      |   |  |
|----------------------|---|--|
| Nama Guru Pembimbing | : |  |
| Bangsa               | : |  |
| No. Telefon Bimbit   | : |  |
| E-mel                | : |  |

#### **C. PENGESAHAN PENGETUA**

Dengan ini disahkan bahawa pelajar di atas adalah pelajar sekolah kami:

|                      |   |  |
|----------------------|---|--|
| Tandatangan Pengetua | : |  |
| Cap Sekolah          | : |  |
| No. Tel.             | : |  |
| No. Faks.            | : |  |

